



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 26 FEBRUARI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11.	POOR GET TO BUY 10KG RICE PACK FOR RM26, NATION, NST-6 JUAL MULAI 1 MAC INI, HM, LOKAL-19 BERAS SUBSIDI TEMPATAN DI PASARAN MULA 1 MAC, NEGARA, KOSMO-8 24 JUTA BEG BERAS TEMPATAN DI PASARAN MULAI SABTU, NATIONAL, SH-10 GUNA AI JEJAK BERAS PUTIH TEMPATAN BERSUBSIDI "GHAIB" DI PASARAN, NATIONAL, SH-10 BERAS TEMPATAN 10KG RM26 DI PASARAN 1 MAC, NASIONAL, BH-4 BERAS TEMPATAN RM26 UNTUK KELUARGA MISKIN, MUKA HADAPAN, UM BERAS RM26 UNTUK KELUARGA MISKIN, DALAM NEGERI, UM-2 B40 ENSURED OF AFFORDABLE WHITE RICE, NATION, THE STAR-6 RICE SUBSIDY GETS PRAISE, BUT NOT FROM FARMERS, NATION, THE STAR-6 FRESH MALAYSIAN DURIANS REGARDED AS PREMIUM IN CHINA, NATION, THE STAR-7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
12.	MORE DURIAN EXPORTS THIS YEAR, NATION, THE STAR-7	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
13.	TEMBIKAI BANTU 20 ASNAF KELUAR KEPOMPONG MISKIN, DALAM NEGERI, UM-35	AGROBANK
14. 15. 16. 17. 18. 19. 20.	SYOR PENJUALAN GUNA DATA PENERIMA BANTUAN, NASIONAL, BH-4 KILANG PROSES PADI TIDAK DIBINA KERANA HASIL RENDAH, DALAM NEGERI, UM-31 500 HEKTAR SAWAH KURANG BEKALAN AIR, NEGARA, KOSMO-25 24 JUTA KAMPIT BERAS PUTIH TEMPATAN (BPT) BERSUBSIDI MULA DIJUAL SABTU INI, NEGARA, KOSMO-25 'DAH LAMA TAK JUMPA BERAS TEMPATAN', LOKAL, HM-19 BERAS PUTIH TEMPATAN BERSUBSIDI 24 JUTA KAMPIT 10KG MULA DIJUAL 1 MAC, MUKA HADAPAN, HM RELIEF, BUT NOT FOR ALL, MUKA HADAPAN, THE STAR	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

POOR GET TO BUY 10KG RICE PACK FOR RM26

Pilot project to channel 24 million packs of subsidised rice to 400,000 poor households

HAKIM MAHARI
PUTRAJAYA
hakimmahari@nst.com.my

the subsidised local white rice pilot project aimed to support poor and hardcore poor households with a government subsidy of RM150 million.

The initiative is set to benefit 400,000 heads of poor households, including 77,000 heads of hardcore poor households.

Each family will only be eligible to buy two packs a month to ensure supplies are sufficient.

"We have developed a comprehensive implementation mechanism."

"I am confident that, with this framework, this programme will create a win-win situation for all industry stakeholders, from padi farmers to consumers."

"This programme will commence on March 1, the first day of Ramadan, and end on Aug 31,"

Badrul Hisham said at a press conference yesterday.

On Feb 13, Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu announced that the government would maintain the price of local white rice at RM2.60 per kg, with RM150 million allocated to absorb production costs over the next six months.

He said the measure aimed to ensure the availability of local white rice in the market.

He said the rice reform would take one year to be fully implemented and another announcement on the issue would be made in the second half of the year.

Badrul Hisham said a directive would be issued to retailers to ensure subsidies for local white rice were not misused and would reach the intended group.



Agriculture and Food Security Ministry's Padi and Rice Regulation Section director-general Datuk Badrul Hisham Mohd speaking at a press conference in Putrajaya yesterday. NSTP PIC BY MOHD FADLI HAMZAH

He said the directive would come into effect on March 1.

"There will be clear instructions for retailers for the rice. My team will be on the ground to ensure the rice is distributed appropriately."

"I cannot guarantee 100 per cent success because some people will try to bypass the system. But we are confident we can manage this effectively with mechanisms we have in place."

"In any supermarket, rice will be available, along with purchase guidelines."

"This rice is typically placed

near the cashier for easier monitoring."

The rice will go to 36,000 licensed retailers, with a focus on urban poor areas.

Badrul Hisham said the rice supply will enter the market on March 1, but the supply would be released on Thursday in Kedah under the Madani Agro Sales programme, to be officiated by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

At the event, 20,000 packs of subsidised local white rice will be sold to the 7,000 visitors expected to attend.

EDARAN 24 JUTA KAMPIT BERAS PUTH TEMPATAN

Jual mulai 1 Mac ini

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Sebanyak 24 juta kampil 10 kilogram (kg) beras putih tempatan (BPT) bersubsidi akan mula dijual di seluruh Semenanjung Malaysia bermula 1 Mac ini.

Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras Datuk Badrul Hisham Mohd berkata, penjualan BPT menerusi projek rintis untuk tempoh enam bulan itu menyasarkan 400,000 ketua isi rumah (KIR) miskin termasuk 77,000 KIR miskin tegar.

"Kerajaan sebelum ini sudah mengumumkan untuk membuat intervensi dengan subsidi khusus sebanyak RM150 juta bagi tempoh enam bulan.

"Jadi BPT bersubsidi ini akan mula berada di pasaran bermula 1 Mac dan akan berakhir pada 31 Ogos ini untuk tempoh enam bulan," katanya pada sidang media di sini, semalam. Sebelum ini, Menteri



BADRUL HISHAM (tengah) ketika sidang media berkaitan Mekanisme Pelaksanaan Subsidi Beras Putih Tempatan di Putrajaya.

Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu dalam kenyataan di Dewan Rakyat menyatakan bahawa kerajaan akan mencukupi di pasaran. Beliau dilaporkan berkata, peruntukan terbitan sub-sulan penetapan harga lan-

setiap kampil beras dijual pada satu harga sahaja iaitu RM26 sekampil 10 kg bagi memastikan tiada manipulasi mana-mana pihak.

"Kita sedar ada *pro and cons*, kali ini kita bergerak menggunakan kaedah sedia ada, kita tidak mengganggu jenama yang sudah ada di pasaran tetapi dari segi kawalan, kita menggunakan dua lapisan iaitu pertama secara organik iaitu pemantauan serta penguatkuasaan dan kedua akan ada tag keselamatan," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, biarpun BPT berada di pasaran 1 Mac ini, pihaknya merancang mengadakan jualan bekalan berkenaan lebih awal iaitu pada Khamis ini menerusi Program Jualan Agro Madani di Kedah yang akan disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Katanya, pada program berkenaan, sebanyak 20,000 kampil BPT akan dijual kepada kira-kira 7,000 pengunjug yang dijangka menghadiri program berkenaan.

tail belian padi yang diselaraskan daripada RM1,300 kepada RM1,500 bagi setiap tan metrik.

Mengulas lanjut, Badrul Hisham berkata, setiap KIR hanya dibenarkan membeli dua kampil beras bagi setiap pembelian dengan arahan khusus tatacara penjualan beras akan diberikan kepada setiap peruncit untuk memastikan bekalan berkenaan dijual kepada mereka yang disasarkan.

Katanya, bekalan itu boleh didapati di 36,000 peruncit berlesen dengan tumpuan antaranya di kawasan miskin bandar.

Ditanya bagaimana pihaknya akan memastikan bekalan BPT terbitan hanya akan dibeli golongan yang disasarkan, beliau berkata, keutamaan diberikan kepada golongan miskin dan miskin tegar.

"Untuk (BPT) subsidi ini,

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2025	KOSMO	NEGARA	8

Beras subsidi tempatan di pasaran mula 1 Mac

- 26 juta kimpit akan berada di pasaran Semenanjung
- 10kg dijual dengan harga RM26

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA – Orang ramai boleh mula mendapatkan beras putih tempatan (BPT) bersubsidi pada harga RM26 bagi 10 kilogram (kg) bermula 1 Mac depan.

Bekalan beras itu akan berada di pasaran sedia ada di seluruh Semenanjung dan turut dipasarkan di Program Jualan Rahmah Madani.

Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Datuk Badrul Hisham Mohd. berkata, sebanyak 24 juta kimpit beras akan berada di pasaran Semenanjung dalam tempoh enam bulan bermula Mac ini.

"Pembelian beras berkenaan bagaimanapun dihadkan kepada dua kimpit sahaja dengan menggunakan pelbagai jenama pada harga subsidi RM26.

"Buat masa ini, tiada keperluan untuk mengeluarkan satu jenama khusus bagi BPT bersubsidi itu, sebaliknya ia akan dikenali dengan pelbagai jenama.

"Barangan keperluan harian itu diharap dapat memanfaatkan oleh 400,000 ketua isi rumah (KIR) miskin di negara ini termasuk 77,000 KIR miskin tegar," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.



BADRUL HISHAM pada sidang akhbar berkenaan Mekanisma Pelaksanaan Subsidi Beras Putih Tempatan di Wisma Tani, Putrajaya semalam.

Katanya, mengikut data sedia ada, 400,000 KIR miskin memerlukan dan bergantung kepada beras berkenaan.

Sebelum ini, kerajaan mengumumkan untuk membuat intervensi dengan subsidi khusus sebanyak RM150 juta bagi tempoh enam bulan dalam memastikan bekalan BPT mencukupi.

Tegasnya, beras khas itu bukan untuk diniagakan dan jika wujud elemen sedemikian, pihaknya tidak akan berdiam diri.

"Kita akan pastikan BPT bersubsidi ini hanya dinikmati oleh rakyat Malaysia dan bukan warga asing. Keutamaan kita ialah warga tempatan iaitu kumpulan isi rumah yang miskin dan miskin tegar. Harga RM26 sekimpit itu

hanya untuk rakyat kita.

"Duit hasil pembayar cukai sepatutnya dikembalikan kepada rakyat kita. Warga asing boleh beli beras lain selain beras khas ini," katanya.

Beliau turut memberi jaminan bahawa bekalan BPT bersubsidi tidak akan 'ghaib' dari pasaran menerusi penguatkuasaan berterusan oleh 1,200 anggota Agensi Regulatori dan Penguatkuasaan Agromakanan Malaysia (Marea) di seluruh negara.

Jelas beliau, pihaknya juga memperkenalkan sistem kecerdasan buatan (AI) dengan kemampuan jejak dan pantau (*tracking dan tracking*) pada setiap pek kimpit beras bagi mengelak ia disorok dan manipulasi jualan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2025	SINAR HARIAN	NATIONAL	10

Pembelian dihadkan kepada dua kampil setiap bulan

24 juta beg beras tempatan di pasaran mulai Sabtu

Oleh **TUAN BUQHAIKHAH TUAN MUHAMAD ADNAN PUTRAJAYA**

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberi jaminan 24 juta beg 10 kilogram (kg) beras putih tempatan (BPT) bersubsidi akan berada di pasaran seluruh Semenanjung bermula Sabtu ini.

Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Datuk Badrul Hisham Mohd, berkata, pembelian BPT bersubsidi itu dihadkan kepada dua kampil setiap bulan bagi 400,000 ketua isi rumah (KIR) miskin dan dijual pada harga RM26. "Kerajaan sebelum ini telah membuat keputusan untuk melaksanakan intervensi dengan subsidi khusus sebanyak RM150 juta dalam tempoh enam bulan.

"Jadi subsidi beras ini akan menitik terus kepada kumpulan sasar," katanya menerusi sidang akhbar di sini, pada Selasa.

Menurut beliau, tatacara penjualan beras akan dikeluarkan

kan kepada semua peruncit bagi memastikan BPT bersubsidi dijual kepada mereka yang disasarkan.

"Berdasarkan penggunaan per kapita (PCC), setiap orang mengambil 76 hingga 77kg beras, jadi jumlah tersebut lebih daripada mencukupi," jelas Badrul.

Sebelum ini, Menteri KPKM, Datuk Seri Mohamad Sabu di Dewan Rakyat mengumumkan kerajaan meluluskan peruntukan RM150 juta untuk memastikan bekalan BPT mencukupi di pasaran.

Peruntukan itu digunakan untuk menstabilkan bekalan dengan sasaran pengeluaran 24 juta kampil mengandungi 10kg BPT bagi menampung permintaan selain mengekalkan harganya pada kadar RM2.60 sekilogram.

Sementara itu, Badrul berkata, sebanyak 20,000 kampil BPT bersubsidi akan mula dijual menerusi Program Jualan Agro Madani di Kedah, pada Khamis ini.

"Majlis ini akan dirasmikan



Pembelian beras putih tempatan bersubsidi dihadkan kepada dua kampil setiap bulan bagi 400,000 ketua isi rumah (KIR) miskin dan dijual pada harga RM26 bagi beg 10 kilogram. - Foto Bernama

oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan jangkakan pengunjug sehingga 7,000 orang.

"Ini adalah kumpulan pertama BPT bersubsidi berada di pasaran sebelum secara rasminya pada 1 Mac," kata beliau.

Tambah beliau, pengagihan beras dibuat mengikut keperluan setempat seperti miskin bandar dan luar bandar.

"Jualan Agro Madani dan Jualan Rahmah ini akan membawa beras kepada mereka, tetapi kebanyakannya adalah daripada 36,000 outlet peruncit

sedua ada berdasarkan kepada pemborong yang telah dikenal pasti.

"Kawasan perumahan pangasapuri di bandar sebenarnya mereka akan memilih beras murah, manakala golongan berpendapatan tinggi tidak memilih beras ini," katanya.

Ditanya mengenai sekatan pembelian terhadap warga asing, Badrul menjelaskan, ketutamaan BPT bersubsidi adalah kepada rakyat Malaysia.

"Kementerian sedang berbincang untuk mendapatkan keputusan kerajaan supaya

BPT subsidi ini untuk rakyat tempatan kerana kita tahu kerajaan mahu bantu rakyat," katanya.

Mengulas mengenai mekanisme pembelian BPT bersubsidi, beliau memberitahu, setakat ini pihaknya tidak menetapkan untuk pembeli menunjukkan kad pengenalan.

"Kami mahu rakyat faham dasar kerajaan, siapa yang patut beli (BPT bersubsidi).

"Kami cuba didik rakyat dahulu dan jika ia tidak menjadi, kita akan bergerak kepada pelan lain," katanya.



BADRUL HISHAM

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2025	SINAR HARIAN	NATIONAL	10

Guna AI jejak beras putih tempatan bersubsidi 'ghaib' di pasaran

PUTRAJAYA - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) bagi menjejaki secara langsung beras putih tempatan (BPT) bersubsidi di pasaran.

Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Datuk Badrul Hisham Mohd berkata, langkah tersebut diambil bagi mengatasi isu beras 'ghaib' dari pasaran dan dimanipulasi oleh pihak tidak bertanggungjawab.

"Sistem pengesanan ini dibangunkan oleh syarikat tempatan bagi mengesan setiap jejak beras dari destinasi A kepada B," katanya dalam sidang akhbar di sini, pada Selasa.

Menurutnya, sebuah bilik *war room* yang ber-

operasi selama 24 jam sehari diadakan bagi melakukan penjejakan dan pengesanan BPT bersubsidi.

"Ia seperti kod QR, tetapi lebih *advance* daripada itu. Kami tidak boleh umumkan di sini," jelas beliau.

Ujarnya, penguatkuasaan dan kawalan ke atas BPT bersubsidi menggunakan dua lapisan termasuk Agensi Regulatori dan Penguatkuasaan Agro Makanan Malaysia (MAREA) yang baru ditubuhkan dan diluluskan oleh Kabinet pada 7 Februari lalu.

"Saya tidak boleh jamin seratus peratus kerana tidak boleh lari dari kelemahan di sini atau di sana.

"Seramai 1,200 anggo-

ta MAREA turut terlibat dengan penguatkuasaan dan kami yakin dengan kapasiti itu ditambah pula sistem AI, ia dapat dikawal," kata beliau.

BPT sukar diperoleh di pasaran berlarutan sejak dua tahun lalu walaupun kementerian giat melaksanakan rombakan strategi melalui pelaksanaan reformasi industri padi dan beras.

Sebelum ini, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Fuziah Salleh memberi bayangan kemungkinan terdapatnya penglibatan kartel dalam industri tersebut termasuk penyalahgunaan kedudukan dominan mana-mana syarikat yang mengawal bekalan benih dan import.



Sistem pengesanan beras putih tempatan dibangunkan oleh syarikat tempatan bagi mengesan setiap jejak beras dari destinasi A kepada B.

Beras tempatan 10kg RM26 di pasaran 1 Mac

Bekalan untuk enam bulan hanya dijual kepada 400,000 keluarga miskin

Oleh Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Sebanyak 24 juta kampil 10 kilogram (kg) Beras Putih Tempatan (BPT) bersubsidi mula memasuki pasaran di seluruh Semenanjung, mulai 1 Mac ini.

BPT bersubsidi pada harga RM26 untuk pek 10kg itu akan dijual menerusi projek rintis untuk tempoh enam bulan dengan menyasar 400,000 ketua isi rumah (KIR) miskin, termasuk 77,000 KIR miskin tegar.

Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Datuk Badrul Hisham Mohd, berkata BPT itu hanya akan dijual kepada 400,000 keluarga miskin dengan dua pek bagi setiap KIR.

"Kerajaan sebelum ini sudah mengumumkan untuk membuat intervensi dengan subsidi khusus sebanyak RM150 juta bagi tempoh enam bulan.

"Jadi BPT bersubsidi ini akan mula berada di pasaran bermula 1 Mac, iaitu pada hari pertama Ramadan dan akan berakhir pada 31 Ogos ini, untuk tempoh enam bulan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Sebelum ini, Menteri Pertanian



Badrul Hisham (tengah) pada sidang media di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

an dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dalam kenyataan di Dewan Rakyat memaklumkan kerajaan memperuntukkan RM150 juta bagi memastikan bekalan BPT mencukupi di pasaran.

Beliau dilaporkan berkata, peruntukan terbahagi susulan penetapan harga lantai belian padi diselarasakan daripada RM1,300 kepada RM1,500 bagi setiap tan.

2 kampil setiap pembelian

Mengulas lanjut, Badrul Hisham berkata, setiap KIR hanya dibenarkan membeli dua kampil beras bagi setiap pembelian dengan arahan khusus tatacara penjualan beras akan diberikan kepada setiap peruncit untuk memastikan bekalan berkenaan dijual kepada mereka yang disasarkan.

Katanya, bekalan itu boleh didapati di 38,000 peruncit berlesen dengan tumpuan antaranya di kawasan miskin bandar.

Ditanya bagaimana pihaknya akan memastikan bekalan BPT terbahagi hanya akan dibeli golongan yang disasarkan, beliau sekadar berkata, keutamaan diberikan kepada golongan miskin dan miskin tegar.

"Untuk (BPT) subsidi ini, setiap kampil beras dijual pada satu harga sahaja, iaitu RM26 sekampil 10kg, bagi memastikan tiada manipulasi oleh mana-mana pihak.

"Kita sedar ada *pro and cons*, kali ini kita bergerak menggunakan kaedah sedia ada, kita tidak mengganggu jenama yang sudah ada di pasaran tetapi dari segi kawalan, kita menggunakan

dua lapisan iaitu pertama secara organik iaitu pemantauan serta penguatkuasaan dan kedua ada tag keselamatan," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, biarpun BPT akan berada di pasaran 1 Mac ini, pihaknya merancang mengadakan jualan bekalan berkenaan lebih awal, iaitu pada Khamis ini menerusi Program Jualan Agro MADANI di Kedah yang akan disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Katanya, pada program berkenaan, 20,000 kampil BPT akan dijual kepada kira-kira 7,000 penungjung yang dijangka menghadiri program berkenaan.

"Maka, mereka sudah boleh menikmati (BPT) daripada jualan Agro MADANI itu," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2025	UTUSAN MALAYSIA	MUKA HADAPAN	-

24 juta kampil 10kg akan dijual melalui projek rintis mulai Sabtu ini

Beras tempatan RM26 untuk keluarga miskin

Oleh **MOHD HUSNI MOHD NOOR**
utusannews@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan menetapkan harga beras putih tempatan bersubsidi pada RM26 bagi sekampil 10 kilogram (kg) dan hanya untuk keperluan keluarga miskin sahaja.

Pengumuman itu memberi kelegaan kepada kira-kira 400,000 keluarga miskin di seluruh negara dengan 24 juta kampil akan dijual melalui projek rintis mulai 1 Mac ini.

Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Datuk Badrul Hisham Mohd berkata, projek

rintis itu adalah untuk tempoh enam bulan dengan setiap Ketua Isi Rumah (KIR) miskin termasuk 77,000 KIR miskin tegar boleh membeli dua kampil beras setiap orang.

"Mengikut data sedia ada, golongan itu memerlukan beras berkenaan dan buat masa

ini, tiada keperluan untuk mengeluarkan satu jenama khusus bagi beras bersubsidi itu, sebaliknya ia akan dikenali dengan pelbagai jenama," katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Bersambung di muka 2



Tamat latihan

SERAMAI 116 Pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0 Siri 1/25 melambung beret selepas persembaan tamat latihan di Regimen 515 Askar Wataniah, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ISKANDAR ISHAQ (Berita di muka 8)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2



BADRUL Hisham Mohd dalam sidang akhbar mengumumkan Mekanisme Pelaksanaan Subsidi Beras Putih Tempatan (BPT) di Wisma Tani, Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

Beras tempatan RM26 untuk keluarga miskin

Dari muka 1

Tegasnya, beras berkenaan juga bukan untuk diniagakan kepada warga asing dan jika wujud elemen sedemikian, pihaknya tidak akan berdiam diri.

"Keutamaan kita ialah warga tempatan iaitu kumpulan isi rumah yang miskin dan miskin tegar. Harga RM26 sekampit itu untuk rakyat kita sahaja.

"Duit hasil pembayar cukai sepatutnya dikembalikan kepada rakyat kita. Warga asing boleh beli beras selain daripada beras khas ini," katanya.

Baru-baru ini Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dalam kenyataan di Dewan Rakyat memaklumkan kerajaan memperuntukkan sebanyak RM150 juta bagi memastikan bekalan beras putih tempatan

mencukupi di pasaran.

Dalam pada itu Badrul Hisham berkata, bekalan beras tersebut tidak akan 'ghaib' di pasaran dengan adanya penguatkuasaan berterusan oleh 1,200 anggota Agensi Regulatori dan Penguatkuasaan Agromakanan Malaysia (MAREA) di seluruh negara.

Katanya, pihaknya juga memperkenalkan sistem kecerdasan buatan (AI) dengan kemampuan jejak dan pantau pada setiap kampil beras bagi mengelak ia disorok dan manipulasi jualan.

"Ketika ini, bekalan beras ini akan dikawal menggunakan dua lapisan kawalan iaitu MAREA dan sistem jejak dan pantau secara AI.

"Jadi kami yakin dengan kapasiti itu dan ditambah dengan sistem AI yang digunakan, kita yakin subsidi ini akan terus ke-

pada kumpulan sasaran," katanya.

Katanya, buat masa ini, pihaknya tidak dapat mendedahkan lagi sistem jejak dan pantau itu kerana masih di peringkat rintis.

Pada masa sama, katanya, pihaknya akan memastikan bekalan beras putih tempatan bersubsidi itu hanya dijual kepada golongan yang disasarkan.

"Kita tegaskan akan ada arahan kepada peruncit untuk mematuhi tatacara penjualan beras putih tempatan. Dengan cara itu, pasukan saya akan turun ke bawah untuk pastikan beras ini tidak dimanipulasi.

"Saya tak boleh jamin 100 peratus, sebab kita faham mereka satu langkah lebih ke hadapan berbanding kita, namun kita yakin dengan mekanisme ini mampu uruskan dengan terbaik," katanya.

B40 ensured of affordable white rice

400,000 households to benefit from 2.4 million 10kg bags for half a year

By ZAKIAH KOYA
and KHOO GEK SAN
newsdesk@thestar.com.my

PUTRAJAYA: For the next six months, the government will ensure that even the hardcore poor will be able to afford good-quality local white rice, says padi and rice regulatory director-general Datuk Badrul Hisham Mohd (*pic*).

The Agriculture and Food Security Ministry deputy secretary-general stated that from March 1 to Aug 31, a total of 2.4 million bags of 10kg of subsidised local white rice, priced at RM26 per bag, will be available across Peninsular Malaysia.

"The initiative is targeted at 400,000 low-income and hardcore poor households, with a purchase limit of two bags per household."

"This programme marks the first phase of the RM150mil targeted subsidy initiative, aimed at ensuring that local white rice remains affordable for those who need it most," said Badrul Hisham. He assured that the supply of

subsidised rice would be sufficient for B40 households, with strict enforcement measures in place to prevent misuse.

He said that besides digital tagging and tracking of the bags of rice, the Malaysian Agri-Food Regulatory and Enforcement Agency (Marea) – set up by the Cabinet on Feb 7 – will monitor daily the sale of rice at points of sale at 39,000 grocery shops nationwide.

"We believe this stock of local rice will be enough for everyone, especially those in need."

"I believe the people in this low-income group of B40 and poorer rely entirely on cheaper rice in the market," he told *The Star*.

Citing research data, he revealed that 400,000 heads of households (KIR) depended on affordable rice, including 77,000 hardcore poor households.

"We are now reaching them through designated and assisted distribution channels," he added.

To ensure smooth distribution and prevent manipulation, Badrul Hisham said enforcement teams will work round the clock



seven days a week, using a special tracking system to monitor the supply chain.

"By implementing this programme, we can ensure the rice supply reaches those who truly need it, without manipulation by any party," he said.

Badrul Hisham called for public cooperation to prevent hoarding or abuse of the subsidy.

"Please leave this rice for those in need. Do not attempt to manipulate or disrupt this programme," he said, his message aimed at those who can afford to buy non-subsidised rice – be it local or

imported rice.

Earlier, at a media conference held at Wisma Tani yesterday, Badrul Hisham announced that the ministry has introduced artificial intelligence (AI) technology to track subsidised local white rice in real time.

He explained that the initiative was aimed at tackling rice shortages in the market and preventing exploitation by irresponsible parties.

"This tracking system, developed by a local company, will trace every movement of such rice from point A to point B."

"A 24-hour monitoring war room has also been set up to oversee the distribution of subsidised rice."

"It works like a QR code but is far more advanced. However, we cannot reveal further details at this time."

"I cannot guarantee a 100% foolproof system, as weaknesses may exist here and there."

"However, with 1,200 Marea officers overseeing enforcement, combined with AI technology, we

believe we can control the stock," he said.

For the past two years, subsidised local white rice has remained scarce despite the government's ongoing efforts to reform the rice industry.

Local white rice is a controlled essential food item, whereas imported rice is not.

The cost of production has increased for local white rice production and Badrul Hisham calls this subsidisation of the local white rice for the poor as "the gift to the needy from Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim".

Previously, Deputy Domestic Trade and Cost of Living Minister Fuziah Salleh suggested that a cartel may be influencing the industry, possibly exploiting its dominant position to control seed supply and imports.

Meanwhile, to mark the launch of this initiative, a special sale of 10,000 10kg bags of subsidised local white rice will be held in Kedah at the Muda Agricultural Development Authority (Mada) event on Feb 27.

Rice subsidy gets praise, but not from farmers

PUTRAJAYA: Father-of-two Ahmad As-shakir has had to choose the cheapest rice in the market to feed his family.

"It's almost fit for chicken feed," the 39-year-old technician lamented.

Cleaner Halimah Samadi, 55, has the same problem - she always buys the cheapest brand as a way to make ends meet.

Therefore, the government's decision to maintain the price of local white rice at RM2.60 per kilo by absorbing about RM150mil in production costs for six months comes as welcome news for many lower-income earners like them.

Ahmad, from Gombak, said that with increased costs of living and Ramadan coming, this rice price control was good news.

"I usually buy the cheapest rice in the shop and most times, it is of the lowest quality.

"Knowing we can now get good-quality rice, even if it's just for six months, is something I look forward to," said Ahmad.

Halimah, from Cheras, said that with her monthly pay of RM1,800, she would always choose the cheapest brands of rice.

"It is good that they are starting this programme on the first day of Ramadan. We can also look forward to having good-quality rice on Hari Raya.

"However, I hope the authorities will be strict in ensuring there is no hoarding like what happened with subsidised cooking oil in packets a few years back," she said.

Malaysia Rice Grain Wholesalers Association deputy secretary Allen Lim praised the government for its decisive and swift action in easing the operational pressures on rice mills, helping to prevent more small and medium-sized mills from shutting down.

He said the Ukraine-Russia conflict has led to an increase in fer-



All for quality rice: A restaurant worker preparing a plate of rice for a customer at a restaurant in Kuala Lumpur. — AZHAR MAHFUF/The Star

tiliser prices.

"In addition, the cost of white rice packaging has also risen, adding more pressure on wholesalers. The government's decision to raise the floor price of padi from RM1,300 to RM1,500, while keeping the price of local white rice at RM2.60 per kg, has further increased the burden on wholesalers.

"Fortunately, this time we see the (Agriculture and Food Security) Ministry stepping in to help adjust the padi sector," Lim added.

Another rice wholesaler said about 13 wholesalers attended a meeting with the ministry about the subsidies on Monday.

"The ministry will implement a tracking system and provide us with tags to attach to 10kg packa-

ges. This way, B40 households can buy the rice," he said.

"We are willing to cooperate with the government for six months to see if this measure is effective. We hope the government can find an even better solution in the interim.

"We are not making any profits from the special 10kg packets. We are simply supporting the government's efforts to ensure that those who truly need it can benefit.

"Right now, we are buying padi from farmers at RM1,500, and with packaging and staff wages, maintaining a price of RM26 per 10kg is extremely difficult.

"We hope the ministry can commit to clearing the subsidy payments every month. Otherwise, where will we find the money to

keep operations going?" the rice wholesaler asked.

Another rice miller said the ministry stated that there would be 40,000 tonnes of local white rice available each month, which translates to 400,000 packets of 10kg rice for B40 households.

"This should be enough to meet their needs but we hope the government will enforce strict regulations to ensure the rice reaches only the B40 households and is not diverted for commercial use," he stressed.

They were responding to the announcement of a government subsidy on local white rice for the poor.

Agriculture and Food Security Ministry Deputy Secretary-General Datuk Badrul Hisham Mohd,

who is padi and rice regulatory director-general, stated that from March 1 to Aug 31, a total of 2.4 million bags of 10kg of subsidised local white rice, priced at RM26 per bag, would be available across Peninsular Malaysia.

Malaysia Padi Farmers Brotherhood Association (PeSawah) chairman Abdul Rashid Yab, who represents the padi farmer associations, was concerned about what would happen next.

"After six months, then what? The price of the padi is still low. How long will the government continue subsidising?" he asked.

"The 2.4 million bags are merely 34% of the local demand. It is the millers who get the subsidies and the incentive - there is no fairness.

"Who are these millers? Are they the small millers or the giants who are already raking in profits? The government should instead be looking at how to lower the production costs, not merely subsidise.

"Look at the prices of padi seeds and floor price of padi sold to millers," said Abdul Rashid.

A padi farmer from Kelantan, who only wanted to be known as Pak Nya, also questioned the rationale behind spending RM150mil in subsidies for millers.

"We, the padi farmers, are the poor and hardcore poor.

"If you want to help the poor, give us the subsidies so that we can absorb rising costs," said the farmer from Pasir Puteh.

For the past two years, subsidised local white rice has remained scarce, despite the government's ongoing efforts to reform the rice industry.

Local white rice is a controlled essential food item, whereas imported rice is not.

The cost of production has increased for local white rice production.

Fresh Malaysian durians regarded as premium in China

By HO JIA WEN, TARRENCE TAN
and GERARD GIMINO
newsdesk@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Fresh durians worth RM24.84mil were exported to China within four months, says Deputy Agriculture and Food Security Minister Datuk Arthur Joseph Kurup.

He said the fresh durians, weighing 413.61 metric tonnes, were exported from August to December last year.

Malaysia's current durian production is insufficient to meet the export market demand, as the

Chinese fresh durian market was valued at RM32bil in 2023, he said.

"The supply of fresh durians is limited to the harvesting seasons, usually twice a year," he said.

Kurup said Malaysian durians are currently available in 16 regions in China including Beijing, Shanghai, Guangzhou, Shenzhen, Tianjin and Chengdu.

Malaysia's agriculture office in Beijing is promoting the benefits of the Malaysian durian to Chinese consumers, he said.

"The office has found through a survey that fresh Malaysian

durians are well received by the Chinese market and regarded as premium," he told Chow Yu Hui (PH-Raub) at the Dewan Rakyat yesterday.

Kurup said the Malaysian durian must be exported in refrigerated condition, adding that they can only be kept for three to four days for freshness.

"This leads to higher shipping costs," he said.

For comparison, he said durians from Vietnam or Thailand are harvested before ripening and have a shelf life of up to 25 days.

To a supplementary question from Chow on whether the government will provide land titles for durian farmers in Raub, Pahang, Kurup explained that the authority to grant land titles lies with the state.

"To assist durian growers in the state of Pahang, the Department of Agriculture provides designated areas within the Permanent Food Production Park for durian cultivation," he said.

Kurup also said the ministry has provided incentives for durian cultivation under the Long-

Term Fruit Crop Development Project, where 4,762 farmers have benefited and received support such as farm infrastructure development, agricultural expertise and farming equipment.

"The ministry offers a tax incentive for companies and investors with upstream agro-food sector projects.

"This tax incentive allows companies to enjoy a 100% business income tax exemption for up to 10 years and income tax deductions based on qualifying capital expenditure," he said.

More durian exports this year

Fama: Up to 25% increase with higher demand from China

By ALLISON LAI,
JUNAID IBRAHIM and
SHYAFIQ DZULKIFLI
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: The Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) projects a 20% to 25% increase in durian exports this year due to heightened demand from China.

Also, growers say that China's recent restrictions on fresh durian imports from Vietnam and Thailand will further boost demand for Malaysian durian.

Cultivation is also being expanded to more states, which will allow for the fruit to be produced all year round.

However, experts warned that the government must regulate the farms to prevent practices such as pre-cutting and using banned chemicals, which have caused China to ban fruits from Thailand and Vietnam.

Fama director-general Abdul Rashid Bahri said the projection is based on growing export trends, the expansion of farms and processing infrastructure, and strengthened trade ties and promotional efforts.

He cited several key efforts by state governments to increase durian cultivation such as in Kelantan, where 3,000ha have been devoted to Musang King plantations.

Malaysia Durian Exporters Association president Sam Tan said expanding farms in Johor, Penang, Perak and other states will allow for nearly year-round production.

Despite the high demand with the Musang King variety fetching RM83 per kilo at farm price, Tan warned that Malaysia must not prioritise profit over quality and uniqueness.

He urged the government to implement a policy against pre-cutting, to protect the market's integrity and preserve the fruit's quality and authenticity.

"Unlike in Thailand and Vietnam, where chemicals and pre-cutting are used, our durians ripen naturally and fall from the tree before being picked up.

"This ensures a chemical-free product that is highly regarded in markets like China.

"To protect this practice and prevent unscrupulous farmers



In season: A worker, Xie Jun, arranging durians at a stall in Petaling Jaya. — FAIHAN GHANI/The Star

from spoiling our market and reputation, we should have such a policy in place," he said.

Pre-cutting refers to harvesting durians before they ripen.

On Feb 6, Thai authorities disposed of a total of 64,671kg of durians rejected by China for being contaminated with Basic Yellow 2 (BY2), a dye used to artificially enhance the colour of the fruit.


On Feb 21, Vietnam also reported an 80% drop in its durian exports to China in the first half of February this year, with only 3,500 tonnes shipped, due to cadmium and BY2 residue.

It is suspected that some exporters dip the durians in dyes to make them appear more appealingly yellow.

Malaysia began exporting fresh durians to China last year with RM24.84mil in 413.61 metric tonnes shipped between August and December.

According to the data on Trade Map, Malaysia's average export price to China stood at US\$16.72 per kilo — nearly four times higher than Vietnam's (US\$4.31/kilo)

China's total average import price in US\$/kg of fresh durian 2024



and three times higher than Thailand's (US\$5.32/kilo).

Dr Tan Sue Sian, the managing director of Top Fruits, a leading durian exporter, said Malaysian durians have a distinct advantage in the competitive multi-billion market due to unique cultivation and harvesting practices.

"We focus on natural environmental and nutrient-based fruiting, unlike Vietnam and Thailand,

which use hormones and pre-cut methods.

"Malaysian durians are harvested naturally, enhancing quality and safety," said Sue Sian.

With certifications like Good Agricultural Practice (MyGAP or GlobalGAP) and a commitment to sustainable agriculture, Malaysia offers superior-quality durians, as "these practices ensure Malaysian durians stand out globally".

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	35

Tembikai bantu 20 asnaf keluar kepompong miskin

Oleh TOREK SULONG
utusannews@mediamula.com.my

PASIR PUTEH: Seramai 20 asnaf dari Kampung Air Tawar dan Pak Mayong, di sini yang mengusahakan tanaman tembikai di bawah Projek Hijrah Asnaf berupaya keluar dari kepompong kemiskinan apabila meraih pendapatan sekitar RM30,000 satu musim.

Seorang peserta Mokhtar Mat Hassan, 50, berkata, sejak menyertai projek di bawah bimbingan Agrobank itu, dia memperoleh pendapatan lebih baik berbanding sebelum ini.

"Sebelum menyertai program ini pendapatan saya sekitar RM9,000 untuk semusim. Namun, selepas mendapat bimbingan, pendapatan semusim saya mencecah sehingga RM40,000."

"Saya mengusahakan tanaman seluas 0.8 hektar dengan hasil tuaian lebih 15 tan metrik. Alhamdulillah, tahun ini rezeki buat saya menghasilkan buah gred A yang mempunyai harga lebih baik di pasaran," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Gimik perasmian menuai buah di jelang tembikai di sempurnakan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agro-



TENGGU Ahmad Badli Shah Raja Hussin (tiga dari kanan) melakukan gimik penuaian hasil tanaman tembikai yang diusahakan oleh asnaf di Kampung Air Tawar, Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan. - UTUSAN/TOREK SULONG

Bank, Datuk Tunku Ahmad Badli Shah Raja Hussin.

Mokhtar berkata, pendapatannya itu membolehkannya mengeluarkan zakat dan membantu pula golongan kurang berkemampuan.

"Sebelum ini saya penerima zakat, kini menjadi pembayar zakat," ujarnya.

Seorang lagi penanam, Mohd. Nawi Ramli, 51, berkata, bantu-

an dan tunjuk ajar yang diberikan Agrobank banyak membantunya dalam meningkatkan hasil pengeluaran serta pendapatan.

Katanya, melalui hasil tanaman tembikai ini, dia mampu menyara anaknya sehingga melanjutkan pengajian ke menara gading.

Sementara itu, Tengku Ahmad Badli Shah berkata,

AgroBank memperuntukkan sebahagian dana zakat dan geran padanan iTekad Bank Negara Malaysia berjumlah RM510,400 bagi kos pelaksanaan projek berkenaan.

Katanya, ia adalah program pembangunan usahawan berstruktur berimpak tinggi dalam membantu meningkatkan taraf hidup asnaf dan golongan B40 di Kelantan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	4

Syor penjualan guna data penerima bantuan

Putrajaya: Kerajaan disaran menggunakan data penerima bantuan, termasuk zakat sebagai mekanisme penjualan beras putih tempatan (BPT) bersubsidi yang akan berada di pasaran mulai 1 Mac ini.

Penggunaan data terbabit untuk memastikan penjualan bekalan BPT itu benar-benar diagih kepada golongan sasaran seperti mana dihasratkan kerajaan.

Presiden Persatuan Peruncit Bumiputera, Datuk Ameer Ali Mydin yang juga Pengarah Urusan Mydin, berkata biarpun kerajaan mengumumkan bekalan BPT akan berada di pasaran pada tarikh terbabit, mekanisme penjualannya masih menimbulkan persoalan.

"Kerajaan kata beras itu dijual untuk golongan miskin dan miskin tegar. Apa yang menjadi persoalan bagaimana bekalan itu dijual kepada golongan sasaran.

"Adakah kita perlu minta kad pengenalan mereka setiap kali transaksi dibuat untuk memastikan mereka ini ialah golongan sasaran? Sebab itu perlu ada mekanisme mengenai perkara ini, atau mungkin boleh guna data penerima Sumbangan Asas Rahmah (SARA)," katanya kepada BH.

Ameer berkata, kerajaan juga perlu menjelaskan mekanisme pengagihan bekalan terbabit kepada peruncit, terutama dari segi kuota yang akan diterima.

"Saya mencadangkan supaya kerajaan terutama Kawal Selia Padi dan Beras mengadakan libat urus dengan semua peruncit bagi memberikan perincian mengenai perkara ini," katanya.

Sementara itu, Bendahari Agung Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Nur Asyikin Aminuddin, berkata pihaknya menyambut baik pengumuman berhubung perkara itu, namun khuatir dengan mekanisme penjualan bekalan berkenaan.

Katanya, persoalan utama yang harus diperinci kerajaan bagaimana golongan sasaran boleh membeli BPT melalui mekanisme tertentu.

"Macam mana kerajaan nak sasarkan jualan BPT? Itu persoalannya. Maksudnya mekanisme apa yang akan digunakan untuk menentukan golongan memerlukan.

"Saya rasa lebih baik kerajaan menggunakan data pusat zakat kerana sudah terbukti mereka ada maklumat mengenai golongan miskin dan miskin tegar.

"Jika jual tanpa ada mekanisme tertentu, saya bimbang golongan yang disasarkan tidak dapat membeli beras pada harga subsidi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Kilang proses padi tidak dibina kerana hasil rendah

Oleh NUR SHARIEZA ISMAIL
utusannews@medianulla.com.my

SEREMBAN: Rancangan kerajaan Negeri Sembilan membina sebuah kilang memproses padi dan pengeluaran beras di negeri ini belum dapat direalisasikan kerana hasil tuaian padi di negeri ini tidak mencukupi.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup negeri, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, sebuah kilang beras sudah tentu memerlukan bekalan yang mencukupi untuk

kilang tersebut bertahan daripada segi keperluan dan pengoperasian.

"Oleh kerana buat masa ini hasil padi yang dituai kita tidak cukup banyak maka kilang ini tidak boleh dibina pada masa terdekat.

"Cumanya kita buat pusat pengumpulan padi di Kuala Pilah di mana ia mengumpul dan menghantar ke kilang di Selangor untuk diproses sebelum dibawa balik semula untuk pasaran di negeri ini. Itu sebab kita memperkenalkan jenama beras sendiri iaitu Beras Per-

patih untuk memenuhi keperluan rakyat di negeri ini.

"Pelabur mahu membina kilang pun perlu memikirkan soal untung rugi, serta soal bolehkah mencapai kecukupan bekalan daripada pembekal-pembekal kita. Saya tidak mahu mengambil pembekal dari negeri sekitar, mahu negeri kita punya, bekalan mesti cukup menampung keperluan ini," katanya ketika ditemui di sini.

Beliau berkata, apabila hasil tuaian padi di negeri ini sampai kepada kapasiti diperlukan maka kilang tersebut akan dibina.

"Kapasiti sehingga 5,000 tan metrik semusim diperlukan untuk tujuan itu dan sekarang ini hanya ada sekitar 2,500 tan metrik dan tidak cukup untuk pembinaan kilang pemprosesan padi sendiri," katanya.

Jalaluddin yang juga Exco Kanan Negeri Sembilan memberitahu, pengeluaran hasil tanaman padi ketika ini, adalah sekitar 3.5 tan metrik per hektar dan jumlah itu perlu dinaikkan sehingga 6.5 per tan metrik per hektar dalam usaha menampung isu kekurangan beras yang dihadapi.



HASIL tuaian yang tidak mencukupi menjadi faktor sebuah kilang memproses padi masih belum dapat dibina di negeri ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2025	KOSMO	NEGARA	25

500 hektar sawah kurang bekalan air

- **Pesawah Skim Pengairan Pelagat resah isu bekalan air**
- **Masalah sudah berlarutan 15 tahun semakin meruncing**

Oleh WAN ZURATIKAH IFFAH
WAN ZULKIFLI

BESUT – Seramai hampir 500 pesawah keresahan bendang padi diusahakan mereka di bawah Skim Pengairan Pelagat di sini mengalami masalah kekurangan bekalan air untuk mengairinya sejak sekian lama.

Kawasan Skim Pengairan Pelagat yang didakwa terjejas seluas lebih 500 hektar melibatkan Kampung Padang Landak, Padang Luas, Gong Penaga, Pengkal Setor, Tok Has, Dengir, Beris

Pok Abu serta Gong Lapan di sini.

Salah seorang pesawah, Abdur Rahman Husni Ismail, 35, mendakwa, masalah kekurangan bekalan air berkenaan sudah berlarutan sejak 15 tahun lalu, namun semakin meruncing sejak akhir-akhir ini.

"Kami terpaksa menggunakan sumber daripada hujan atau 'air buangan' dari kawasan sawah terletak di bahagian atas yang lebih berhampiran dengan Rumah Pam Pelagat untuk mengairi kawasan sawah.

"Bagi pesawah yang berkemampuan, mereka membeli sendiri pam air dengan kos semurah RM2,500," katanya ketika ditemui di Kampung Air Terjun di sini semalam.

Abdur Rahman Husni berkata, keadaan semakin meruncing sewaktu musim panas tidak lama lagi.

Dia berkata, kekurangan air tersebut boleh membantutkan tumbesaran pokok padi.

"Ia boleh menjejaskan kualiti dan kuantiti buah padi sekali gus menyebabkan pendapatan pesawah," katanya.

Seorang lagi petani, Muhamad Nasrullah Mohd. Nawi, 29, pula berharap masalah yang dihadapi mereka sejak bertahun-tahun itu mendapat perhatian serius oleh pihak berwajib.

Dia juga risau kerja-kerja penanaman padi musim pertama tahun ini yang bakal bermula bulan depan.

"Kami amat berharap masalah ini dapat ditangani segera dengan penyelesaian efektif.

"Selain menambah lebih banyak pam air, kita juga cadangkan agar telaga tiub dibina bagi menampung keperluan pesawah terlibat," katanya.

ABDUR RAHMAN HUSNI (kanan) dan Muhamad Nasrullah menunjukkan kawasan padi mereka yang mengalami kekurangan air di Skim Pengairan Pelagat, Besut semalam.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2025	KOSMO	NEGARA	25

24 juta kampil beras putih tempatan (BPT) bersubsidi mula dijual Sabtu ini

- 400,000 ketua isi rumah (KIR) miskin, termasuk 77,000 KIR miskin tegar layak beli BPT kampil 10kg berharga RM26

- Kerajaan disaran guna data penerima bantuan termasuk zakat sebagai mekanisme penjualan BPT bersubsidi

Nasional 4



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2025	HARIAN METRO	LOKAL	19

'Dah lama tak jumpa beras tempatan'

Serdang: Kenaikan harga barang mentah dialami ketika ini menyebabkan orang ramai bimbang perkara sama berlaku terhadap beras memandangkan bekalan beras tempatan sukar didapati.

Seorang suri rumah, Nor Asmah Zainudin (*gambar*), 49, berkata, dia sudah lama tidak menemui bekalan beras tempatan yang menyebabkannya membeli beras import.

"Sebelum ini, saya beli beras tempatan sahaja sebab lebih murah. Namun sekarang, mahu cari bekalan beras tempatan susah sebab tidak semua tempat ada.

"Sekarang, saya beli sahaja beras import lima kilogram (kg) untuk kami sekeluarga memandangkan hanya bekalan itu sahaja yang ada," katanya ketika ditemui di sebuah kedai serbaneka di sini, semalam.

Nor Asmah berkata, dia bimbang harga beras akan meningkat menjelang Ramadan dan sambutan Aidilfitri nanti.

"Jika dilihat sekarang, semua barang keperluan naik macam santan. Jadi tidak mustahil harga beras tidak kira tempatan atau import juga boleh naik.



"Apabila itu berlaku, kasihlah kepada orang yang tidak berkemampuan untuk mendapatkan beras terutama ketika musim perayaan nanti," katanya.

Sementara itu, pekerja kedai serbaneka berkenaan pula memaklumkan tiada bekalan beras tempatan dijual di premis terbabit.

"Setiap kali bekalan beras dihantar, hanya beras import sahaja yang ada. Saya difahamkan bekalan beras tempatan susah diperolehi.

"Ada juga pelanggan yang tanya kami (pekerja) jika di sini ada jual beras tempatan, kami menjelaskan kepada mereka bahawa sudah lama tiada beras tempatan di sini.

"Pelanggan juga merungut sebab susah nak dapatkan bekalan beras tempatan dan perkara ini bukan baharu, malah sudah lama berlaku," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2025	HARIAN METRO	MUKA HADAPAN	-



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2025	THE STAR	MUKA HADAPAN	-



Photo: AZMAN GHANI/The Star

Relief, but not for all

The B40 group and millers welcome news of the six months of subsidised local white rice with tight control on the sale process, but farmers say there is no gain for them. They want the government to help reduce their rising costs. > See reports on page 6 by ZAKIAH KOYA and KHOO GEK SAN